

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HGM 237 - Geografi Bandar dan Metropolitan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawap EMPAT soalan sahaja.

1. Pada tahap bandar utama negara membangun proses globalisasi disifatkan sebagai pelengkap perubahan yang telah bermula dengan proses urbanisasi di awal tahun tujuh puluhan. Bincangkan pendapat ini dengan merujuk kepada peranan urbanisasi dan globalisasi dalam mencorakkan pembangunan bandar di Malaysia sejak 1970.

[25 markah]

2. Bandar raya berbeza dari segi pemeringkatan dan jaringan. Bincangkan bagaimana jumlah penduduk, tahap jaringan dan ciri-ciri perkhidmatan yang ditawarkan boleh mempengaruhi pemeringkatan bandar raya dalam sistem bandar global kini.

[25 markah]

3. Persaingan antara bandar raya adalah suatu kemestian dalam era globalisasi. Bincangkan pendapat ini dengan merujuk khusus kepada strategi dan kesan persaingan ini kepada perubahan imej dan landskap bandar raya.

[25 markah]

4. Menurut *Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020*, di samping globalisasi, faktor lain yang akan mempengaruhi pertumbuhan Kuala Lumpur adalah peningkatan kepentingan ekonomi berasaskan pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan ICT. Bincangkan bagaimana faktor yang sama boleh menjadi punca utama kepada pemisahan kawasan di Kuala Lumpur.

[25 markah]

5. [a] Jelaskan maksud 'bertaraf dunia' dalam konteks wawasan perancangan dan pembangunan 'Kuala Lumpur 2020'.

[10 markah]

- [b] Huraikan kesejajaran wawasan ini dengan konsep bandar raya mapan/lestari.

[15 markah]

6. Pada pendapat anda sejauhmanakah Kuala Lumpur dan Konurbasinya (KLK) sudah bersedia untuk memainkan peranan global khususnya dari sudut logistik dan jaringan?

[25 markah]

...3/-

7. Governans dan perkongsian Awam-Swasta-Sektor Ketiga yang berkesan berperanan penting dalam memaksimumkan manfaat dan meminimumkan masalah yang berpunca daripada proses globalisasi. Bincangkan pendapat ini dalam konteks pembangunan kawasan warisan bandar raya.

[25 markah]

- ooo 0 ooo -